

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**  
**16 MEI HINGGA 26 MEI 2016**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN KHOO SOO SEANG [TEBRAU]**

**TARIKH : 18 MEI 2016 [RABU]**

**SOALAN :**

**YB TUAN KHOO SOO SEANG [TEBRAU] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah hasil laporan “Multidimensional Poverty Index” atau MPI dalam membantu dan memperbaiki kesejahteraan golongan B40 dan M40 sebagaimana yang disarankan dalam Rancangan Malaysia Ke-11.**

**JAWAPAN: Y.B SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID B. OMAR,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerangka asas Indeks Kemiskinan Pelbagai Dimensi (*Multidimensional Poverty Index, MPI*) Malaysia telah dibangunkan. Indeks tersebut mengukur insiden dan intensiti ketersisihan pelbagai dimensi yang dialami oleh rakyat. Pembangunan MPI Malaysia ini mengambilkira empat dimensi iaitu pendidikan, kesihatan, taraf hidup dan pendapatan dengan melibatkan 11 indikator seperti berikut:

<b>Dimensi, indikator, batas ketersisihan dan wajaran MPI</b>			
<b>Dimensi</b>	<b>Indikator</b>	<b>Batas Ketersisihan</b>	<b>Wajaran</b>
Pendidikan	Bilangan tahun persekolahan	Semua ahli isi rumah berumur 17-60 tahun mempunyai kurang daripada 11 tahun persekolahan	1/8
	Kehadiran ke sekolah	Kanak-kanak antara 6-16 tahun yang tidak bersekolah	1/8
Kesihatan	Akses kepada kemudahan kesihatan	Jarak kepada kemudahan kesihatan melebihi 5 km dan tiada kemudahan klinik kesihatan bergerak disediakan	1/8
	Akses kepada bekalan air bersih	Selain daripada bekalan air terawat di dalam rumah dan paip air awam/ paip berdiri	1/8
Taraf hidup	Kedaaan tempat tinggal	Usang atau mulai buruk	1/24
	Bilangan bilik tidur	Lebih 2 ahli isi rumah/bilik	1/24
	Kemudahan tandas	Selain daripada tandas pam	1/24
	Kemudahan kutipan sampah	Tiada kemudahan	1/24
	Pengangkutan	Semua ahli isi rumah sama ada tidak menggunakan pengangkutan persendirian atau pengangkutan awam	1/24
	Akses kepada alat komunikasi asas	Tidak memiliki telefon talian tetap atau telefon bimbit	1/24
Pendapatan	Pendapatan bulanan purata isi rumah	Pendapatan bulanan purata isi rumah kurang daripada PGK	1/4

Sumber: UPE, JPM

Nota: Isi rumah yang mengalami ketersisihan dalam sekurang-kurangnya satu pertiga daripada indikator wajaran dianggap sebagai mudah terjejas atau berhadapan dengan risiko menjadi miskin dari pelbagai dimensi.

Walaupun bagaimanapun, beberapa aspek pengukuran indikator sedang dikaji bagi analisis terperinci kemiskinan pelbagai dimensi. Laporan mengenainya akan dimuktamadkan dalam masa terdekat.

MPI Malaysia ini dapat meningkatkan kecekapan Kerajaan dalam menganalisis kemiskinan pelbagai dimensi serta melaksana program dan inisiatif pembangunan sosioekonomi rakyat dalam pelbagai dimensi dengan memberi tumpuan dalam dimensi dan indikator tertentu yang memerlukan penambahbaikan. Ini dapat membantu dan memperbaiki tahap kesejahteraan rakyat di bandar dan luar bandar, terutamanya dalam kalangan isi rumah berpendapatan 40 peratus terendah (isi rumah B40).

Sekian. Terima kasih.